

Headline	Dasar populis jejas ekonomi negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,652	PR Value	RM 13,955



# Dasar populis jejas ekonomi negara

Oleh ROHAMI SHAFIE

CUBA bayangkan apakah reaksi anda jika selama hampir dua minggu anda tidak dapat mengeluarkan wang dari bank. Pada masa sama, terdapat syarat had pengeluaran yang lebih rendah berbanding sekarang. Yang pasti, anda sudah tentu tertekan jika tidak mempunyai wang yang cukup untuk bertahan selama dua minggu.

Akhirnya, gara-gara tidak boleh mengeluarkan wang dari bank sebegitu lama, maka anda terpaksa mencari jalan lain seperti meminjam wang dari sanak saudara, rakan taulan atau mungkin juga dari ah long.

Ini yang terjadi kepada rakyat Cyprus, akibat krisis perbankan Cyprus, rakyatnya terpaksa menanggung akibatnya. Pada hari pembukaan semula bank-bank di Cyprus, pelanggan-pelanggan bank berpusu-pusu mengeluarkan wang untuk membeli barangan seharian.

Suasana sebegini tidak pernah terjadi di Malaysia. Kalau terjadi, tidak dapat digambarkan bagaimana suasananya.

Setakat ini, ekonomi negara kita berjalan baik. Rakyat menjalani kehidupan harian dengan begitu baik sekali. Ini dibuktikan lagi apabila rakyat Malaysia adalah antara rakyat paling gembira menjalani kehidupan di negara sendiri di kalangan negara-negara Asia. Ekonomi Malaysia secara terus menerus berkedudukan mampan. Apakah justifikasinya?

Dengan angka-angka terkini dapat membuktikan justifikasi kedudukan ekonomi Malaysia, justeru mari kita bermain dengan angka-angka. Menurut ramalan pakar-pakar ekonomi dan pihak berkuasa kewangan seperti Bank Negara Malaysia, tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara adalah pada paras lima hingga enam peratus. Tonggak pertumbuhan ekonomi Malaysia bergantung pada ekonomi domestik, permintaan swasta dan luaran.

Pada tahun lalu, perubahan tahunan permintaan domestik adalah pada kadar 10.6 peratus, manakala kadar pelaburan sektor swasta adalah pada 22 peratus. Dijangkakan pelaburan swasta pada masa akan datang kekal kukuh.

Prospek peluang pekerjaan pula stabil manakala perbelanjaan swasta dijangka mengalami pertumbuhan tahunan dalam lingkungan tujuh peratus, menandakan keyakinan pengguna untuk berbelanja. Ini disokong pula dengan polisi gaji minimum yang menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan rakyat.

Malaysia telah berjaya mengharungi krisis subprima Amerika Syarikat (AS) dan krisis hutang Eropah kerana polisi mempelbagaikan barangan eksport dan meningkatkan eksport ke negara Asia. Malaysia telah meningkatkan eksport sebanyak 50 peratus pada 2012 berbanding tahun 2000 ke negara Asia dan mengurangkan eksport

ke negara-negara maju sebanyak 30 peratus dalam tempoh yang sama.

Ini memberi kesan besar dalam mengurangkan risiko kelembapan ekonomi dunia terhadap ekonomi Malaysia. Akaun semasa, pertukaran asing dan rezab antarabangsa berada pada keadaan terbaik, iaitu RM 427.2 bilion pada tahun lalu. Kadar inflasi negara hanya 1.6 peratus pada tahun lalu, menunjukkan tiada kenaikan harga yang mendadak dan membebaskan rakyat.

Sektor perbankan dan insurans kekal stabil dan mantap dengan pertumbuhan kredit

dan insurans yang menyokong ekonomi negara, keyakinan tinggi terhadap sistem kewangan Malaysia oleh pelabur dan rakyat serta pembiayaan isi rumah yang lebih baik. Ini kerana sektor perbankan dan kewangan sentiasa mengamalkan pengurusan risiko yang baik di samping pembayaran semula pinjaman yang semakin kukuh. Ini menggambarkan risiko kredit kekal rendah.

Pembiayaan peribadi oleh sektor perbankan hanyalah pada kadar sembilan peratus, menandakan sektor perbankan mengamalkan pengurusan risiko yang baik dalam memberi pinjaman kepada peminjam. Ini memastikan nisbah hutang tidak berbayar kekal rendah dan seterusnya mengurangkan risiko terhadap sektor perbankan.

Sektor perbankan dan kewangan dijangka kekal mapan dengan mengukuhkan lagi kerangka undang-undang, modal, pengurusan risiko dan mengamalkan asas kebertanggungjawaban dan ketelusan dalam sektor perbankan.

Angka-angka dan justifikasi yang diberikan di atas menandakan prospek ekonomi negara yang semakin cerah. Walaubagaimanapun, ia amat bergantung terhadap kestabilan politik dan keamanan negara. Di samping itu, dasar-dasar dan polisi ekonomi juga perlu menjurus ke arah pengurangan defisit negara.

Dasar-dasar ekonomi yang populis seperti memberikan pendidikan percuma sehingga ke menara gading boleh meningkatkan defisit dan hutang negara pada tahap tertinggi. Apabila ini terjadi, penarafan Malaysia akan semakin rendah dan pelabur-pelabur tidak lagi berminat melabur di negara kita. Peluang-peluang pekerjaan akan semakin berkurangan dan tidak mustahil Malaysia mengalami pengucapan ekonomi.

Tidak ada jalan lain kecuali terpaksa meminjam wang daripada peminjam antarabangsa dan ini akan menyebabkan rakyat semakin menderita seperti terpaksa memotong sejumlah besar perbelanjaan kesihatan dan gaji kakitangan awam.

Maka, tidak menghairankan ada negara-negara di Kesatuan Eropah (EU) mengalami pengangguran pada kadar 31 peratus, manakala gaji kakitangan awamnya dipotong sehingga 50 peratus kerana mengikut

Headline	Dasar populis jejas ekonomi negara		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 Apr 2013	Language	Malay
Circulation	197,952	Readership	833,287
Section	Dlm Negeri	Color	Black/white
Page No	10	ArticleSize	357 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 4,652	PR Value	RM 13,955

telunjuk peminjam antarabangsa yang berlagak sebagai ah long antarabangsa.

Krisis hutang Eropah telah menyebabkan kos sara hidup semakin tinggi, kejadian bunuh diri akibat tekanan melampau semakin meningkat dan pelbagai penyakit berjangkit merebak dengan cepat dalam kalangan rakyat.

Ini kerana rakyat tidak mampu lagi menanggung kos perubatan akibat daripada pemotongan bajet tahunan kesihatan kerajaan dan gaji yang semakin berkurangan serta kadar pengangguran yang semakin meningkat.

Semoga dasar-dasar populis dan negara berkebijakan yang telah dilaksanakan di

negara-negara Eropah tidak diamalkan di Malaysia semata-mata untuk meraih undi.

Ekonomi pasca pilihan raya umum ke-13 (PRU-13) perlu kekal mampan dengan pelaksanaan dasar-dasar ekonomi yang berhemah kerana jika tidak ia akan menyebabkan rakyat menderita dalam tempoh jangka masa panjang.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan dan Felo Penyelidik, Institut Keusahawanan dan Koperasi, Universiti Utara Malaysia.